

Kempen PruBSN WarisanPlus Sejuta Legasi

Terma dan Syarat

1. Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan butiran nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/nombor telefon dan maklumat akaun bank (e-Kredit) yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum 1 Disember 2022.
4. Kelayakan Kempen:
 - a. Pelanggan yang menyertai sijil baharu (Bisnes Baru) **PruBSN WarisanPlus** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dari 1 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022 (termasuk kedua-dua tarikh ini), dimana sijil tersebut haruslah diluluskan dan dikeluarkan sebelum 15 November 2022 ("Pelanggan yang Layak").
 - b. Kempen ini hanya ditawarkan untuk Sijil dengan tempoh sumbangan sekurang-kurangnya 10 tahun.
 - c. Sijil hendaklah berkuat kuasa dengan tiada sumbangan tertunggak dan jumlah perlindungan minimum RM1,000,000 sehingga akhir tahun ke-2 sijil untuk tempoh sumbangan 10 tahun, atau sehingga akhir tahun ke-3 sijil untuk tempoh sumbangan 20 tahun atau tempoh sumbangan penuh.
 - d. Jika terdapat sebarang perubahan pada jumlah sumbangan bagi sijil tersebut dalam tempoh sijil, PruBSN akan mengambil jumlah sumbangan asal atau sumbangan yang terkini, yang mana lebih rendah, sebagai asas pengiraan ganjaran tunai, dan jumlah perlindungan asas sijil adalah tertakluk kepada minimum RM1,000,000.
 - e. Tiada pengeluaran separa untuk tahun pertama sijil.
 - f. **Kaedah Pembayaran** haruslah dilakukan melalui:
 - **Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch, atau**
 - **Debit Terus diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch**Kaedah pembayaran di atas mestilah dikemaskini sebelum 1 Disember 2022 dan perlu kekal dengan pendaftaran dalam talian tersebut sepanjang tempoh ganjaran kempen.
5. Ganjaran Kempen:

Setiap Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat Kelayakan Kempen yang dinyatakan di dalam Perenggan 4 di atas, akan menerima **ganjaran tunai ("Ganjaran")** berdasarkan syarat sijil dan tempoh sumbangan seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan Setiap Sijil	Tempoh Sumbangan	Ganjaran Setiap Sijil
PruBSN WarisanPlus	Jumlah Perlindungan Asas Minimum RM1,000,000	10 tahun	Bersamaan dengan 15% jumlah sumbangan* tahunan , ganjaran dibayar seperti berikut: (i) Selepas akhir tahun pertama sijil: 5% daripada jumlah sumbangan tahunan*; dan (ii) Selepas akhir tahun ke-2 sijil: 10% daripada jumlah sumbangan tahunan*
		20 tahun atau tempoh sumbangan penuh	Bersamaan dengan 25% jumlah sumbangan* tahunan , ganjaran dibayar seperti berikut: (i) Selepas akhir tahun pertama sijil: 5% daripada jumlah sumbangan tahunan*; (ii) Selepas akhir tahun ke-2 sijil: 10% daripada jumlah sumbangan tahunan*; dan (iii) Selepas akhir tahun ke-3 sijil: 10% daripada jumlah sumbangan tahunan*

*Tidak termasuk Takaful Saver/Takaful Saver Kid. Sumbangan bersamaan tahunan adalah asas pengiraan ganjaran tunai untuk kekerapan sumbangan sijil selain daripada mod tahunan.

6. Pelanggan yang Layak menerima Ganjaran akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch.
7. Ganjaran pertama selepas tahun pertama sijil akan dikreditkan kepada Pelanggan yang Layak berdasarkan butiran e-Kredit yang disediakan dalam borang cadangan atau dalam PruBSN Touch mulai 31 Januari 2024. Ganjaran kedua dan ketiga (jika berkenaan) akan dikreditkan mulai 31 Januari 2025 dan 31 Januari 2026.
8. Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act*, *UK Bribery Act*, *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan anda tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan anda dalam Kempen ini.
9. Kempen ini mengecualikan kes-kes ejen sendiri (di mana ejen adalah pemilik sijil/orang yang dilindungi dalam pelan tersebut).
10. Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Ganjaran adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Ganjaran dikreditkan.
11. Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.
12. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
13. Terma dan syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
14. Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidangkuasa Mahkamah di Malaysia.